AL MUZAKKIR

AGAMA SIRI IV

ARTIKEL INI ADALAH UMUM SESUAI DIBACA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT YANG 'MATANG' TANPA MENGIRA AGAMA

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua. Bertemu lagi kita dalam ruangan multireligion ini. Sebelum ini kita membincangkan perihal asas-asas agama. Saya ingin bertanya kepada anda semua, mengapa anda menganut agama yang anda anuti sekarang?

Tolong jangan jadi bodoh dengan memikirkan alasan-alasan atau jawapan-jawapan yang elok didengar oleh orang ramai. Cuba bagi jawapan yang jujur datang dari hati anda. Wahai orang Islam, kenapa anda menganut agama Islam tapi tidak solat? Wahai orang Kristian, kenapa anda menganut agama Kristian tapi tidak berkhatan? (Rujuk: Bible, Kejadian 17: 1-14)

Untuk pengetahuan semua, kini kita berada di akhir zaman. Dunia sudah hampir dengan kiamat. Sebab itulah dunia ini sudah jadi haru biru angkara manusia-manusia yang tidak tahu apa tujuan mereka menganut agama, ah, bukan 'mereka' tetapi 'kita'.

Kita menganut agama untuk mengabdikan diri kepada pencipta sebenar alam ini, Tuhan. Memang naluri manusia untuk ada Tuhan. Tetapi apa gunanya ada Tuhan kalau apa yang Tuhan suruh kita tak buat? Apa guna ada Tuhan kalau apa yang Tuhan larang kita buat? Pening.

MUJADID

AL MUZAKKIR

AGAMA SIRI V

ARTIKEL INI ADALAH UMUM SESUAI DIBACA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT YANG 'MATANG' TANPA MENGIRA AGAMA

Baru-baru ini saya menonton satu cerita di televisyen. Di dalam cerita tersebut, anak perempuan kepada sepasang suami isteri telah dirogol dan dibunuh dengan kejam. Kemudian datang seorang ahli agama X (bukan nama sebenar) ke rumah pasangan tersebut untuk membantu dan mententeramkan mereka. Tahu apa yang pasangan itu berkata? "Y (bukan nama sebenar, merujuk kepada Tuhan bagi agama X) bukan Tuhan, dia adalah binatang. Ah, tidak, Y lebih teruk dari binatang!!!" katanya akibat terlalu marah dengan kematian anaknya.

Apa tu? Mengapa penganut-penganut agama X sedunia tidak membantah siaran rancangan tersebut di kaca tv? Kenapa tiada suara yang mengharamkan pengarah tersebut dari terus membikin filem lagi? Tapi itu bukan soalan yang perlu saya jawab dalam ruangan sempit ini. Soalan yang paling tepat sekarang ialah, adakah X agama yang sebenar, selepas dengan sewenang-wenangnya dipijak oleh sekeping skrip yang dilafazkan oleh seorang pelakon yang entah dari mana asalnya? Sucikah X?

Ever feel like you're being WATCHED?

SERENITY

I Support Spiritual Awareness

Sebagai contoh, saya ingin membawa satu agama iaitu Islam. Sejak dari zaman dahulu lagi, hinggalah ke zaman nabi Muhammad, hinggalah sekarang, Islam sering ditentang dan dimusuhi agama lain. Soalan saya, adakah maruah Islam pernah jatuh? TIDAK! TIDAK PERNAH! Hingga kini Islam dilabelkan sebagai agama pengganas, dikecam oleh media massa, dibom dibedil pihak Israel, tapi Islam tidak pernah jatuh. Apa buktinya? Serangan-serangan tersebut Masih belum berhenti kan? Itu tandanya, agama-agama lain juga merasai yang Islam masih lagi kuat dan masih perlu diserang lagi. Jika Islam sudah jatuh, buat apa mereka mahu serang?

Lihatlah pebaca-pembaca sekalian, bagaimana gambaran yang saya beri ini melakar keindahan. Sesiapa yang betul-betul faham dengan tulisan saya ini, pasti dia akan dapat melihat keindahannya seperti yang saya lihat sekarang. Indahnya susunan Tuhan yang sebenar. Dia tidak menghalang manusia untuk mencipta berjuta-juta agama pun, tapi Dia mengangkat tinggi agama yang sebenar. Dia menjaga dan mengekalkan daulat agama yang sebenar. Siapa lagi yang mampu buat begitu? Hanya Tuhan yang sebenar mampu melakukannya pada agama yang sebenar.

MUJADID

LIVE AID

LIVE AMMO

AFRICA

US US US

PALESTINE

LATUFF 2005

AL MUZAKKIR

AGAMA

SIRI VI

ARTIKEL INI ADALAH UMUM SESUAI DIBACA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT YANG 'MATANG' TANPA MENGIRA AGAMA

Kini kita dihebohkan dengan isu murtad dan sebagainya. Ini kerja orang-orang yang tiada akal! Saya terbaca satu artikel dalam sebuah majalah tempatan. Katanya seorang ahli agama lain sibuk memurtadkan orang-orang Islam dengan cara memberi kemudahan hidup dan wang yang banyak (siap boleh reloadkan kredit handphone lagi). Saya nak tanya lah kepada makhluk-makhluk pelik yang murtad di luar sana, kita hidup untuk apa? Nak duit? Nak pangkat? Nak kad reload? Kadang-kadang akal yang Tuhan bagi tu kena pakai banyak sikit dari biasa, benda senang pun tak boleh fikir ke? Kita ada kemewahan dunia, sampai bila? Duit yang ada lama-lama habis. Kalau tak habis pun, bila kiamat semuanya habis jugak. Sebab itu benda-benda material ni bukan lah benda yang dapat jadi penolong kita. Kita kena bergantung harap kepada Allah. Dia bagi, Dia jugak boleh ambil balik.

Ada juga wakil dari agama lain ajak orang Islam murtad. Katanya jangan takut, boleh pakai tudung dan pergi masjid lagi, tak perlu bagitau orang lain, kita mahu roh kamu sahaja, tak mahu jasad. Aneh… kalau macam tu best lah. Jasad kita boleh minum arak, boleh berzina, boleh mencuri, malah boleh bunuh diri kalau ada masalah banyak sangat. Apa nak takut, dah Tuhan nak roh saja, maknanya jasad dia tak kisah sangatlah. Jadi boleh buatlah apa yang kita suka, nanti mati roh saja yang diangkat ke langit, maka kita selamat.

Celaru! Bukan budak-budak hingusan yang cakap macam tu, tapi orang alim-alim. Kalau dalam Islam, orang agama macam dia tu paling kurang pun dapat pangkat ustaz, entah-entah kalau dia tu guru, dapat title Guru Cemerlang lagi. Tapi kenapa dia bercakap macam tu?

Saya ada juga baca ayat-ayat dalam kitab agama lain. Dan saya dapati ada baaanyak ajaran-ajaran yang terkandung dalam kitab tersebut tak diamalkan oleh penganut agama tersebut, bukan setakat orang biasa, orang-orang alim dia pun tak amalkan ajaran-ajaran tersebut. Habis tu, apa guna ada kitab? Kitab ni bahan rujukan untuk hidup dalam beragama. Kalau kitab yang datang dari Tuhan pun kita tak ikut, macam mana nak masuk syurga? (ada sesiapa tak nak masuk syurga ke?). Tapi sekarang terbalik, kita Tuhan tak diikut, tapi ajaran-ajaran yang entah dari mana asalnya pula diagung-agungkan.

Wahai pembaca sekalian, sedarlah dari mimpi yang membinasakan ini. Kepada umat Islam, usahlah kita buat-buat risau pasal murtad kalau kita sendiri pun tak boleh nak buat solat 5 waktu lagi. Berubahlah sahabat-sahabat. Islam sayangkan anda semua, pintu taubat masih terbuka. Kembalilah ke jalan yang benar, dan kemudian barulah kita dapat merubah kecelaruan ini bermula dari akar umbi, yang datang dari hati seluruh muslim yang ikhlas dan beriman kepada Allah Azza wa Jalla. "Kalau bukan di sini, dimana lagi? Kalau bukan sekarang, bila lagi? Kalau bukan kita, SIAPA LAGI?"

Ini bukan satu isu kontroversi. Ini bukan isu sensitif. Ini bukan isu politik. Ini hanyalah satu isu biasa, UNTUK MEMBUKA MINDA KITA! Jika isu ini memeningkan anda, pihak saya memohon jutaan kemaafan dari anda. Jika ia membantu anda, ingatlah, ia adalah HIDAYAH dari 'Tuhan Yang Sebenar'. Syukurlah. ALHAMDULILLAH...

MUJADID